

Pengalaman Pensyarah dalam Proses Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa TVET China di UTHM: Satu Kajian Kualitatif

Supervisors' Experiences in the Supervision Process of International TVET Postgraduate Students from China at UTHM: A Qualitative Study

Farah Fatimah ¹, Mohd Akmal Rohiat ^{2*}

¹ Faculty of Technical and Vocational Education,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

*Pengarang Utama: akmalr@uthm.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2025.05.01.012>

Maklumat Artikel

Diserah: 16 Februari 2025
Diterima: 19 Jun 2025
Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

TVET, Penyeliaan Pelajar
Antarabangsa, Pengalaman
Penyeliaan, Cabaran Penyeliaan,
Strategi Penyeliaan

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dan peluang unik yang dihadapi oleh pensyarah semasa proses penyeliaan serta strategi dan amalan berkesan yang digunakan untuk menyokong pelajar mencapai kejayaan akademik. Pengantarabangsaan pendidikan tinggi telah memperluaskan kepelbagaian populasi pelajar, mencipta cabaran baharu bagi institusi akademik. Di Malaysia, meskipun penyeliaan pascasiswazah merupakan elemen penting dalam pendidikan tinggi, namun kajian berkaitan penyeliaan pelajar antarabangsa dalam konteks TVET masih terhad. Oleh itu, memahami pengalaman pensyarah dalam menyelia pelajar pascasiswazah TVET dari China adalah penting untuk merapatkan jurang dalam sokongan akademik dan budaya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dalam rangka kerja kualitatif. Data diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dengan tiga orang pensyarah dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) di UTHM yang menyelia pelajar pascasiswazah TVET dari China. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti corak dan tema berdasarkan pengalaman serta persepsi pensyarah terhadap proses penyeliaan. Dapatan kajian ini menyediakan pandangan bernilai mengenai cabaran seperti halangan budaya dan bahasa, di samping peluang untuk kolaborasi silang budaya dan bimbingan. Kajian ini juga mencadangkan strategi praktikal untuk meningkatkan proses penyeliaan, termasuk latihan kecekapan budaya, pengukuhan amalan komunikasi, dan sistem sokongan akademik yang disesuaikan. Dengan menangani dinamika unik dalam penyeliaan pascasiswazah TVET, kajian ini menyumbang kepada perbincangan mengenai pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan menawarkan cadangan praktikal untuk memperbaiki amalan penyeliaan di universiti Malaysia dan di peringkat global. Selain mengenal pasti cabaran dan peluang, kajian ini turut mencadangkan beberapa penyelesaian praktikal seperti

penyediaan program persediaan bahasa untuk pelajar antarabangsa, latihan kecekapan budaya bagi pensyarah, serta penggunaan platform komunikasi digital yang fleksibel. Implikasi kajian ini terhadap dasar pendidikan tinggi termasuk keperluan untuk merangka garis panduan penyeliaan yang lebih inklusif, stabil, dan responsif terhadap keperluan pelajar antarabangsa, khususnya dalam konteks TVET yang semakin berkembang di peringkat global.

Keywords

TVET, Supervision of International students, Supervision Challenges, Supervision Strategies.

Abstract

This study aims to identify the unique challenges and opportunities faced by supervisors during the supervision process, as well as effective strategies and practices used to support students in achieving academic success. The internationalization of higher education has led to an increasingly diverse student population, creating new challenges for academic institutions. In Malaysia, while postgraduate supervision is a critical element of higher education, research on the supervision of international students in TVET remains limited. Therefore, understanding the experiences of supervisors overseeing postgraduate TVET students from China is crucial for bridging gaps in academic and cultural support. This study employs a case study design within a qualitative framework. Data were collected through semi-structured interviews with three supervisors from the Faculty of Technical and Vocational Education (FPTV) at UTHM, who supervise postgraduate TVET students from China. Content analysis was used to identify patterns and themes derived from the supervisors' experiences and perceptions of the supervision process. The findings provide valuable insights into the supervision of international postgraduate TVET students from China, highlighting challenges such as cultural and language barriers, alongside opportunities for cross-cultural collaboration and mentorship. The study also proposes practical strategies to enhance the supervision process, including cultural competency training, improved communication practices, and tailored academic support systems. By addressing the unique dynamics of postgraduate TVET supervision, this study contributes to the discourse on the internationalization of higher education and offers recommendations to improve supervisory practices in Malaysian universities and beyond. In addition to identifying challenges and opportunities, this study also proposes several practical solutions such as providing language preparation programs for international students, cultural competency training for supervisors, and the use of flexible digital communication platforms. The implications of this study for higher education policy include the need to develop supervisory guidelines that are more inclusive, stable, and responsive to the needs of international students, particularly within the growing context of global TVET.

1.0 Pendahuluan

Penyeliaan pascasiswazah merupakan aspek penting dalam pendidikan tinggi kerana ia memastikan kelancaran proses penyelidikan dan kejayaan akademik pelajar (Adedokun & Oyetunde-Joshua, 2024b). Dalam konteks Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), penyeliaan menjadi lebih mencabar apabila melibatkan pelajar antarabangsa, terutamanya dari China. Peningkatan jumlah pelajar pascasiswazah antarabangsa di institusi pengajian tinggi Malaysia, termasuk Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), membawa kepada pelbagai cabaran dalam proses penyeliaan (Amzat et al., 2023).

Penyeliaan pelajar antarabangsa kini menjadi salah satu tumpuan utama dalam penyelidikan pendidikan tinggi di peringkat global. Banyak kajian dari negara seperti Australia, United Kingdom dan China telah menekankan kepentingan penyeliaan yang peka terhadap latar belakang budaya, kecekapan berbahasa, serta proses penyesuaian akademik pelajar antarabangsa (Bahtilla, 2022); (Young et al., 2013). Selaras dengan itu, universiti di seluruh dunia semakin memberi perhatian kepada latihan kecekapan antara budaya untuk penyelia (Zheng et al., 2019), penggunaan teknologi dalam komunikasi akademik (Luo et al., 2023), serta sokongan

psikososial yang lebih terancang sebagai elemen penting dalam memastikan penyeliaan yang berkesan (Young et al., 2013).

Namun begitu, kebanyakan kajian sedia ada lebih menumpukan kepada pelajar antarabangsa dalam bidang sains sosial dan kejuruteraan di universiti penyelidikan utama (Bahtilla, 2022). Masih wujud jurang dalam pemahaman kita mengenai penyeliaan pelajar antarabangsa dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), terutamanya di institusi teknikal di negara membangun seperti Malaysia. Justeru itu, kajian ini memberikan satu perspektif yang unik dengan meneroka secara mendalam pengalaman pensyarah di UTHM dalam membimbing pelajar pascasiswazah TVET dari China. Penyelidikan ini bukan sahaja memperkayakan perbincangan sedia ada, malah turut menyumbang kepada pembangunan literatur berkaitan penyeliaan antarabangsa yang berlandaskan konteks tempatan dan teknikal.

Cabaran utama dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah TVET dari China melibatkan halangan bahasa dan komunikasi, perbezaan budaya, keterbatasan masa, serta tekanan untuk memenuhi keperluan penerbitan akademik (Bahtilla, 2022). Penguasaan bahasa Inggeris yang terhad dalam kalangan pelajar sering menyebabkan salah faham dalam penyampaian arahan penyelidikan dan perbincangan akademik. Selain itu, perbezaan budaya dalam gaya komunikasi dan harapan akademik juga boleh menjejaskan interaksi antara pensyarah dan pelajar. Tambahan pula, kekangan masa pensyarah dan pelajar yang bekerja sambil belajar memburukkan lagi keadaan, menyebabkan ketidaksinambungan dalam proses penyeliaan. Keperluan penerbitan dalam jurnal berindeks juga memberi tekanan kepada pelajar dan penyelia, yang perlu memastikan kualiti kajian mencapai piawaian antarabangsa (Horta & Li, 2022).

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh pensyarah dalam menyelia pelajar pascasiswazah TVET dari China di UTHM. Selain itu, kajian ini akan menganalisis strategi yang digunakan oleh pensyarah dalam menangani cabaran ini dan mencadangkan pendekatan yang lebih berkesan untuk meningkatkan pengalaman penyeliaan dalam konteks pendidikan tinggi antarabangsa. Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penyeliaan pelajar antarabangsa, kajian ini dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti bimbingan akademik dan memperbaiki keberkesanan penyeliaan dalam sektor TVET.

2.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif untuk meneroka pengalaman penyelia dalam proses penyeliaan pelajar pascasiswazah TVET antarabangsa dari China di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Bahagian ini menerangkan reka bentuk kajian, prosedur kajian, serta instrumen kajian yang digunakan dalam pengumpulan dan analisis data.

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes eksploratori dengan pendekatan kualitatif. Kajian ini merupakan kajian kes tunggal yang dijalankan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Menurut Wald et al., (2022), kajian kes kualitatif membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang mendalam mengenai fenomena tertentu daripada individu yang terlibat secara langsung. Kajian ini membolehkan penyelidik mengumpul dan menganalisis data kualitatif untuk menerangkan cabaran penyeliaan pelajar pascasiswazah antarabangsa dalam konteks dunia sebenar.

Kajian kes kualitatif dipilih kerana ia membolehkan peserta menyampaikan pengalaman mereka secara bebas dalam kata-kata mereka sendiri, berbanding memilih jawapan daripada pilihan yang telah ditetapkan. Pendekatan ini juga sesuai kerana ia memberikan gambaran menyeluruh mengenai cabaran yang dihadapi oleh penyelia di UTHM dalam membimbing pelajar pascasiswazah TVET dari China serta strategi yang digunakan untuk menangani cabaran tersebut.

Menurut Fernandes & Ribeiro (2024), pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik meneroka fenomena dalam konteks yang spesifik dan kompleks. Wang (2022) juga menegaskan bahawa pendekatan ini sesuai untuk menganalisis dan menghuraikan masalah penyelidikan secara mendalam, terutamanya dalam isu adaptasi akademik pelajar antarabangsa. Oleh itu, reka bentuk kajian kes ini memberikan peluang kepada penyelidik untuk mengenal pasti cabaran utama dan strategi penyelesaian dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah antarabangsa dalam bidang TVET di UTHM.

UTHM dipilih sebagai tapak kajian kerana ia merupakan salah satu institusi utama dalam bidang TVET di Malaysia serta mempunyai pelajar pascasiswazah antarabangsa yang aktif. Dengan menumpukan kajian pada satu institusi, penyelidik dapat memahami secara lebih terperinci cabaran penyeliaan dalam konteks yang lebih spesifik dan mendalam, yang seterusnya boleh digunakan untuk mencadangkan penambahbaikan dalam sistem penyeliaan akademik.

2.2 Prosedur Kajian

Proses kajian ini dijalankan mengikut beberapa langkah sistematik bagi memastikan ketepatan dalam pengumpulan serta analisis data. Kajian ini bermula dengan pemilihan peserta, di mana tiga orang pensyarah dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dipilih menggunakan pensampelan bertujuan (purposive sampling). Penyertaan peserta adalah secara sukarela, dan mereka telah diberikan maklumat penuh mengenai tujuan kajian sebelum memberi persetujuan untuk mengambil bahagian.

Setelah peserta dikenal pasti, proses pengumpulan data dijalankan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Temu bual ini dilaksanakan secara individu dengan setiap sesi berlangsung selama 45 hingga 60 minit. Soalan temu bual tertumpu kepada pengalaman pensyarah UTHM dalam menyelia pelajar pascasiswazah antarabangsa TVET dari China. Semua sesi temu bual dirakam dengan persetujuan peserta sebelum ditranskripsi untuk tujuan analisis data.

Setelah data dikumpulkan, proses pemprosesan dan pengurusan data dilakukan. Data daripada temu bual ditranskripsi secara verbatim bagi memastikan ketepatan maklumat yang diperolehi. Seterusnya, transkrip data dikodkan dan dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan (content analysis). Dalam fasa analisis data, kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti pola dan makna utama dalam data yang telah dikumpul. Pengkodan terbuka dilakukan bagi mengelompokkan maklumat kepada kategori-kategori yang berkaitan, dan hasil analisis dibahagikan kepada empat tema utama, yang mencerminkan cabaran serta strategi penyelesaian yang digunakan oleh penyelia dalam proses penyeliaan mereka.

Walaupun kajian ini hanya melibatkan tiga orang peserta dari satu fakulti di UTHM, saiz sampel ini tetap dianggap sesuai dalam penyelidikan kualitatif. Ini kerana fokus utama dalam pendekatan kualitatif bukanlah pada jumlah peserta, tetapi pada keupayaannya untuk mengumpul data yang mendalam dan reflektif terutamanya berkaitan pengalaman penyeliaan pelajar antarabangsa yang bersifat unik dan kompleks. Matlamat utamanya adalah untuk memahami fenomena dalam konteks sebenar dan mendapatkan gambaran yang menyeluruh daripada perspektif individu yang terlibat secara langsung.

Data dalam kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif yang menekankan kepada pemahaman secara holistik, bersifat heuristik, dan kaya dengan makna. Proses ini memberi tumpuan kepada bagaimana maklumat yang dikumpulkan melalui naratif peserta dapat ditafsirkan dan diterjemahkan menjadi gambaran yang lebih jelas mengenai pengalaman penyeliaan dalam konteks TVET.

Namun begitu, beberapa keterbatasan perlu diakui, termasuk isu keterwakilan yang terhad dan kemungkinan berlakunya bias berdasarkan pengalaman peribadi peserta. Untuk meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian, penyelidikan lanjutan boleh mempertimbangkan penggunaan kaedah triangulasi data seperti analisis dokumen penyeliaan atau pemerhatian terhadap sesi bimbingan sebenar. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengesahkan temuan daripada pelbagai sumber, sekaligus memperkukuh kesahihan dan ketekalan dapatan kajian.

Secara keseluruhannya, prosedur kajian ini telah direka bentuk dengan teliti untuk memastikan ketepatan dalam pengumpulan dan analisis data. Dengan pendekatan sistematik dalam pemilihan peserta, pengumpulan data, serta analisis kandungan, kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai cabaran penyeliaan pelajar pascasiswazah TVET antarabangsa di UTHM.

2.3 Instrumen Penyelidikan

Instrumen utama dalam kajian ini ialah temu bual separa berstruktur, yang digunakan untuk mengumpulkan data mengenai pengalaman penyelia dalam membimbing pelajar pascasiswazah TVET dari China. Instrumen ini dipilih kerana ia membolehkan peserta berkongsi pandangan mereka secara bebas dan memberikan maklumat yang lebih mendalam mengenai cabaran serta strategi penyeliaan akademik.

Sebelum sesi temu bual dijalankan, protokol temu bual diberikan kepada peserta bagi membolehkan mereka memahami konteks dan skop kajian. Soalan dalam temu bual ini disusun berdasarkan persoalan kajian utama, iaitu:

"Bagaimanakah pengalaman proses penyeliaan yang dijalankan oleh pensyarah UTHM terhadap pelajar pascasiswazah antarabangsa TVET China?"

Soalan yang digunakan bersifat terbuka bagi membolehkan peserta berkongsi pengalaman mereka secara lebih luas dan reflektif. Panduan temu bual memberi tumpuan kepada pengalaman penyeliaan, halangan komunikasi, perbezaan budaya, keterbatasan masa, dan tekanan penerbitan.

Semua sesi temu bual dirakam dengan persetujuan peserta dan ditranskripsi secara verbatim untuk memastikan ketepatan maklumat yang dikumpulkan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis), di mana pengkodan terbuka dilakukan untuk mengenal pasti pola utama dalam jawapan peserta.

Penggunaan temu bual separa berstruktur dalam kajian ini mempunyai beberapa kelebihan utama. Instrumen ini membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang mendalam dalam konteks dunia sebenar,

memastikan ketepatan data melalui rakaman dan transkripsi, serta memberikan fleksibiliti dalam interaksi antara penyelidik dan peserta. Secara keseluruhannya, penggunaan temu bual separa berstruktur sebagai instrumen kajian membolehkan penyelidik memperoleh data yang berkualiti tinggi dan relevan, memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai cabaran dan strategi penyeliaan pelajar pascasiswazah TVET antarabangsa di UTHM.

2.4 Keputusan dan Perbincangan

Bahagian ini membentangkan hasil kajian mengenai pengalaman pensyarah UTHM dalam menyelia pelajar antarabangsa TVET dari China. Keputusan disusun mengikut tema utama yang dikenal pasti melalui analisis data, disertakan dengan petikan peserta kajian bagi menyokong dapatan.

Perbincangan turut mengaitkan hasil kajian dengan teori dan kajian terdahulu untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam. Secara keseluruhan, bahagian ini menilai implikasi dapatan terhadap amalan penyeliaan serta mencadangkan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti penyeliaan pelajar antarabangsa di UTHM.

3.0 Keputusan Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan pengalaman pensyarah UTHM dalam menyelia pelajar antarabangsa TVET dari China. Hasil kajian telah dianalisis secara sistematik dan menghasilkan empat tema utama yang menggambarkan cabaran serta strategi yang digunakan oleh pensyarah dalam proses penyeliaan. Tema-tema ini merangkumi halangan bahasa dan komunikasi tidak berkesan, keterbatasan masa dalam proses penyeliaan, perbezaan budaya dan penyesuaian kepada persekitaran baharu, serta tekanan peraturan penerbitan. Setiap tema memberikan pemahaman mendalam tentang realiti yang dihadapi oleh pensyarah serta langkah-langkah yang mereka ambil untuk memastikan penyeliaan lebih berkesan dan berkualiti.

Proses analisis data yang dijalankan secara sistematik dalam kajian ini telah menghasilkan beberapa tema utama yang memberikan gambaran menyeluruh mengenai pengalaman penyeliaan pensyarah UTHM terhadap pelajar antarabangsa TVET dari China. Tema-tema ini diperoleh melalui pengelompokan kod-kod yang dikenal pasti semasa analisis data, berdasarkan pola dan makna yang muncul secara induktif.

Setiap tema memberikan pemahaman yang mendalam tentang dimensi praktikal, emosi, dan budaya yang mempengaruhi penyeliaan pelajar antarabangsa. Bahagian ini memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai cabaran utama yang dihadapi oleh pensyarah serta strategi yang diterapkan bagi meningkatkan keberkesanan penyeliaan.

Penjelasan dalam bahagian ini bertujuan menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas terhadap amalan penyeliaan dalam konteks pendidikan antarabangsa, sekali gus mencadangkan pendekatan yang dapat membantu meningkatkan kualiti penyeliaan pelajar pascasiswazah di institusi pendidikan tinggi seperti UTHM.

Tema 1: Halangan Bahasa dan Komunikasi yang Tidak Berkesan

Tema ini membincangkan cabaran komunikasi dalam penyeliaan pelajar antarabangsa di UTHM, khususnya dalam kalangan pelajar dari China. Walaupun Bahasa Inggeris digunakan sebagai medium penyampaian, perbezaan tahap penguasaan bahasa dan gaya komunikasi sering menjadi penghalang kepada kelancaran interaksi akademik. Halangan ini bukan sahaja menyukarkan pemahaman terhadap arahan penyelidikan tetapi juga mempengaruhi hubungan penyelia-pelajar serta motivasi pelajar dalam proses akademik mereka.

Peserta kajian berkongsi pengalaman mereka dalam menangani cabaran ini serta strategi yang digunakan untuk memastikan komunikasi yang lebih berkesan dalam penyeliaan.

i. Tahap Kemahiran Bahasa Inggeris yang Tidak Mencukupi

Peserta kajian menekankan bahawa kelemahan dalam penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar antarabangsa menjadi cabaran utama dalam penyeliaan. Dr. Hasnah menyatakan bahawa pelajar dari China sering menghadapi kesukaran dalam komunikasi:

"Bila China tu sukar dari segi communication macam dari segi language barrier lah tak berapa okay lah."
(Dr. Hasnah, L79)

Beliau turut mempersoalkan bagaimana pelajar ini berjaya memenuhi syarat kemasukan seperti IELTS:

"Ya memang diaorang ada amik memang diaorang kena amik IELTS tu... Tapi saya pun tak tahu macam mana dia boleh lepas." (Dr. Hasnah, L136-L138)

Selain itu, kelemahan ini menyebabkan kesukaran memahami arahan akademik, yang sering mengakibatkan kesalahan berulang.

"Saya cakap A mungkin dia faham lain. Jadi yang saya geramnya bila saya suruh buat sesuatu benda, akan datang benda yang sama jugak." (Dr. Hasnah, L90-L92)

Pensyarah juga menyatakan bahawa kekurangan kemahiran bahasa ini boleh menyebabkan pelajar keliru dengan jangkaan akademik penyelia.

"Bahasa dan bagaimana dia nak engage tentang substance. Dia punya expectation tu dia tak nampak lagi, saya pun tak nampak expectation saya kepada dia." (Dr. Hafiz, L158-L160)

Kedadaan ini menunjukkan bahawa jurang antara syarat kemasukan dan realiti penguasaan bahasa perlu diberi perhatian lebih lanjut dalam penyeliaan pelajar antarabangsa.

ii. Kesukaran Menyesuaikan Gaya dan Loghat Bahasa

Selain tahap penguasaan bahasa, peserta kajian juga menghadapi cabaran dalam memahami loghat dan gaya komunikasi pelajar.

"Slang tu susah tak boleh buat apa tapi bahasa Inggeris tu." (Dr. Hanafi, L157)

Pensyarah menyatakan bahawa perbezaan dalam cara pertuturan boleh menyebabkan salah faham akademik dan menjejaskan kejelasan penyampaian ilmu.

"Challenge dia ialah bagaimana saya nak kena sesuaikan frequency dan bahasa yang sama." (Dr. Hafiz, L258-L261)

Pensyarah mendapati bahawa mereka perlu menyesuaikan gaya komunikasi mereka untuk memastikan penyampaian mesej lebih efektif kepada pelajar antarabangsa.

iii. Impak Halangan Bahasa terhadap Keberkesanan Penyeliaan

Para pensyarah mengakui bahawa halangan bahasa adalah cabaran utama dalam penyeliaan pelajar antarabangsa, khususnya dari China.

"Mostly semua peserta kajian cakap communication. Saya pernah pergi jadi wakil bahagian ni lah antarabangsa by research ni, mostly mempunyai masalah yang sama pada pelajar China ni." (Dr. Hasnah, L545-L547)

Halangan komunikasi ini menjejaskan bukan sahaja keberkesanan penyeliaan tetapi juga interaksi akademik yang sepatutnya bersifat lebih aktif. Selain itu, pensyarah turut menyatakan bahawa pelajar boleh kehilangan motivasi akibat kesukaran memahami dan menyampaikan idea mereka dengan jelas:

"Language barrier tu yang menyebabkan dia demotivate... tak boleh judge orang pada language tu." (Dr. Hafiz" (L795-L798)

Kedadaan ini menunjukkan bahawa kelemahan bahasa bukan sekadar isu teknikal tetapi juga boleh memberi kesan terhadap keyakinan diri dan motivasi pelajar dalam proses penyelidikan mereka.

Strategi untuk Mengatasi Cabaran Komunikasi

i. Penyesuaian Bahasa untuk Meningkatkan Kefahaman Pelajar

Pensyarah menyatakan bahawa mereka berusaha untuk menggunakan bahasa yang lebih mudah bagi membantu pelajar memahami arahan dengan lebih jelas.

"Saya pun turut macam mana nak bagi faham kan. So kita cuba rendahkan lah bahasa tu. Tapi kadang-kadang tu tak sampai jugak, apa benda macam mana nak cakap. Kita pun 'okay what do you meant?' dia suruh la, dia pakai lah sesuatu benda Haa apps apa 'please write', bila write akan translate ahhh macam tu laa." (Dr. Hasnah, L309-L314)

Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun pensyarah berusaha menggunakan bahasa yang lebih mudah, cabaran tetap wujud apabila pelajar masih sukar memahami arahan. Oleh itu, pensyarah terpaksa menggunakan teknologi seperti aplikasi terjemahan untuk memastikan penyampaian maklumat lebih jelas dan tepat.

ii. Keperluan Penguasaan Bahasa Inggeris sebagai Persediaan Awal Penyelidikan

Peserta kajian menekankan keperluan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai persediaan awal sebelum memulakan penyelidikan. Dr. Hanafi menyatakan bahawa beliau menetapkan syarat agar pelajar membuktikan kecekapan Bahasa Inggeris mereka terlebih dahulu:

"Saya bagi syarat, kalau nak jumpa saya sebelum dia datang tu saya suruh dia selesaikan IELTS." (Dr. Hanafi, L106-107)

"Awak kena buat English... Pergi khusus bahasa English dan buktikan kepada saya result IELTS awak." (Dr. Hanafi (L150-L154).

Peserta kajian ini menekankan bahawa pelajar perlu mengikuti kursus Bahasa Inggeris dan menunjukkan keputusan ujian sebagai bukti sebelum mereka dapat memulakan penyelidikan. Ini kerana penguasaan bahasa yang baik akan membantu pelajar memahami arahan dan berkomunikasi secara berkesan sepanjang tempoh penyelidikan mereka.

iii. Pelantikan Jurubahasa

Bagi mengatasi cabaran komunikasi, peserta kajian meminta pelajar melantik jurubahasa untuk membantu dalam sesi penyeliaan. Langkah ini bertujuan memastikan pemahaman yang lebih jelas dalam penyampaian arahan dan bimbingan akademik.

"Dan saya melihat proses penyeliaan ini ialah bagaimana saya nak bantu pelajar dan pelajar bantu saya... saya minta dia lantik seorang interpreter." (Dr. Hafiz, L184-L187)

Keadaan ini menunjukkan bahawa dalam beberapa kes, kehadiran jurubahasa diperlukan untuk membantu menyampaikan maklumat dengan lebih tepat, terutama bagi pelajar yang mempunyai kelemahan bahasa yang ketara.

Selain itu, peserta kajian menekankan bahawa kemahiran berbahasa Inggeris bukan satu-satunya ukuran kecemerlangan akademik pelajar. Mereka melihat bahasa sebagai alat komunikasi yang tidak seharusnya menjadi faktor utama dalam menilai keupayaan penyelidikan pelajar.

"Language is just a tool to communicate... tak boleh judge orang pada language tu." (Dr. Hafiz, L795-L798)

Ini menunjukkan bahawa walaupun bahasa penting dalam komunikasi akademik, ia tidak seharusnya menjadi halangan utama bagi pelajar dalam menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi. Pensyarah menyesuaikan pendekatan mereka agar lebih inklusif dan memahami cabaran yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa.

iv. Penggunaan Program Foundation untuk Pelajar Antarabangsa

Peserta kajian mencadangkan penyediaan program foundation bagi membantu pelajar yang kurang fasih dalam Bahasa Inggeris sebelum mereka memulakan pengajian mereka.

"Foundation. Saya rasa ujian pun hanya lebih kepada untuk menentukan sama ada layak tak layak ada orang berkeinginan, dia dia bagus untuk research tapi dia tak boleh bahasa Inggeris tak kan kita nak hukum dia tak boleh belajar." (Dr. Hafiz, L783-L786)

"Jadi apa kita nak kena buat kita nak kena buat foundation ke kita mungkin yalah macam orang nak pergi luar negara pergi Rusia pergi Jerman pergi Jepun. Datang sini belajar, tak boleh buat foundation." (Dr. Hafiz, L788-L791)

Pensyarah mencadangkan agar program foundation diperkenalkan bagi membantu pelajar memperbaiki kemahiran bahasa sebelum memulakan penyelidikan. Program sebegini telah diamalkan di negara lain dan terbukti berkesan dalam menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran akademik di peringkat lebih tinggi.

v. Menggalakkan Motivasi Melalui Komunikasi

Peserta kajian menekankan kepentingan komunikasi dalam memastikan pelajar kekal bermotivasi sepanjang penyelidikan mereka.

"Bila dia communicate satu kita nak encourage dia motivate dia. Kemudian dia akan cuba belajar untuk lebih faham dia faham jangan kita ialah sebabkan communication dia down, moral dia down, motivasi dia down." (Dr. Hafiz" (L731-L734)

Pensyarah menyedari bahawa komunikasi yang baik bukan sahaja membantu pelajar memahami penyelidikan mereka dengan lebih baik, tetapi juga mengelakkan kesan negatif terhadap moral mereka.

"Kemudian dia akan cuba belajar untuk lebih faham dia faham jangan kita ialah sebabkan communication dia down, moral dia down, motivasi dia down." (Dr. Hafiz, L731-L734)

Situasi ini menunjukkan bahawa komunikasi yang efektif memainkan peranan penting dalam mengekalkan motivasi pelajar. Apabila pelajar menghadapi cabaran bahasa dan kesukaran memahami arahan, sokongan daripada pensyarah dalam bentuk komunikasi yang jelas dan berterusan dapat membantu mereka mengatasi halangan tersebut dan kekal bermotivasi untuk menyiapkan penyelidikan mereka.

Tema 2: Keterbatasan Masa dalam Proses Penyeliaan

Kekangan masa menjadi cabaran utama dalam penyeliaan pelajar antarabangsa TVET dari China akibat kehadiran yang tidak tetap, komitmen kerja, dan jadual padat. Keadaan ini lebih mencabar apabila pelajar perlu berulang-alik antara negara asal dan Malaysia atau bekerja sepenuh masa. Untuk mengatasi cabaran ini, pensyarah menyesuaikan jadual penyeliaan, mengadakan sesi dalam talian, menetapkan tugas strategik, dan menggunakan platform komunikasi digital bagi memastikan penyeliaan berjalan dengan efektif.

i. Kekangan Masa dalam Penyeliaan Bersemuka

Beberapa pelajar hanya hadir ke kampus untuk tempoh yang singkat, menyebabkan pensyarah perlu memadatkan bimbingan dalam waktu yang terhad.

"Datang dalam sebulan 2 bulan dah jumpa-jumpa kita aah lepas tu balik. Jadi tak banyaklah ruang waktu bersama kita nak menyelia. Lepastu susah la very limit bila dia datang kesini dia kena belajar sesuatu research method lah." (Dr. Hasnah, L117-L120)

Situasi ini menyebabkan penyelia tidak mempunyai cukup masa untuk memberikan bimbingan secara mendalam, terutama dalam metodologi penyelidikan.

ii. Cabaran dalam Menyesuaikan Jadual Penyeliaan

Pensyarah berusaha menyesuaikan jadual supaya mereka dapat bertemu dengan pelajar secara fleksibel:

"Kalau saya rasa macam banyak sangat ni saya nak meet saya jumpa la dengan dia. 'Okay you set time apa semua kita meet.' Okay diaorang tak ada masalah." (Dr. Hasnah, L330-L331)

Namun, tetap wujud kekangan masa yang menjadi cabaran utama:

"Diaorang tak ada masalah cuma masa diaorang Dr kan?" (Farah, L331)

"Haah masa je." (Dr. Hasnah, L332)

Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun pensyarah bersikap fleksibel, kekangan masa tetap menjadi halangan, terutamanya bagi pelajar yang bekerja sepenuh masa.

iii. Ketidakhadiran Pelajar Akibat Komitmen Pekerjaan

Ramai pelajar antarabangsa bekerja sepenuh masa, menyebabkan mereka tidak dapat menghadiri sesi penyeliaan secara konsisten.

"Sebab dia, dia macam ni dia bekerja tapi dia diarahkan juga belajar. Jadi waktu yang dia belajar waktu dia tu dia datang sini." (Dr. Hanafi, L751-L752)

Ketidakhadiran yang kerap mencipta jurang dalam bimbingan, menyebabkan pensyarah perlu memastikan pelajar tetap progresif walaupun komunikasi tidak konsisten

"Kalau dia balik bekerja tu kadang dekat 2 minggu baru dia contact saya, 3 minggu baru dia contact saya. Maknanya masa yang sedikit flexible lah." (Dr. Hanafi, L754-L757)

Situasi ini memaksa penyelia untuk menyesuaikan pendekatan mereka dengan memberikan tugas dan garis masa yang lebih fleksibel bagi memastikan pelajar terus membuat kemajuan dalam penyelidikan mereka, walaupun komunikasi tidak berlangsung secara berterusan.

Strategi Pengurusan Masa dalam Penyeliaan

i. Fleksibiliti dalam Penyeliaan

Pensyarah menunjukkan fleksibiliti dalam kaedah penyeliaan, sama ada secara dalam talian atau bersemuka bergantung kepada lokasi pelajar.

"Ya, sama ada online atau live. Kadang dia balik China 2, 3 bulan lepas tu dia datang ni sekarang ni dia ada sini dia baru sampai minggu ni." (Dr. Hanafi, L407-L408)

Pensyarah turut menggunakan WhatsApp atau e-mel untuk memastikan komunikasi tetap berlaku:

"Akan hantar WhatsApp kalau tengok bergantung kalau dia ada dekat China dia akan guna email kalau dekat Malaysia dia akan guna WhatsApp." (Dr. Hanafi, L647-L648)

Keadaan ini menggambarkan kepentingan teknologi dalam memastikan kesinambungan penyeliaan, membolehkan komunikasi tetap berlaku walaupun terdapat kekangan masa dan lokasi.

ii. Perancangan Strategik untuk Penyeliaan Jarak Jauh

Pensyarah menetapkan garis masa dan tugas bagi memastikan pelajar terus bekerja walaupun berada di luar negara.

"Selalunya ada strategi. Saya nak you balik saya dah bagi dah perancangan nak buat apa.. Satu dia balik dia buat questionnaire. Questionnaire hantar pada saya suruh saya check. Ikut date lah." (Dr. Hasnah, L603-L613)

Keadaan ini menunjukkan bahawa pensyarah perlu merancang strategi yang sistematik untuk memastikan pelajar memahami tugas mereka dan terus menjalankan penyelidikan walaupun berada jauh dari kampus.

iii. Sesi Konsultasi dan Pembentangan Projek Secara Atas Talian

Pensyarah juga menggunakan sesi pembentangan secara maya bagi membolehkan pelajar menerima maklum balas secara langsung.

"Saya dengan pelajar saya suruh dia bentang. Bentang dengan saya. Saya suruh dia bentang, saya sentiasa ada dalam kereta saya projector apa semua." (Dr. Hanafi, L1161-L1170)

Keadaan ini menggambarkan usaha pensyarah dalam menyediakan ruang untuk interaksi akademik secara langsung, walaupun dalam keadaan terhad, bagi memastikan pemahaman pelajar terhadap penyelidikan mereka lebih jelas.

Tema 3: Perbezaan Budaya dan Penyesuaian kepada Persekitaran Baharu

i. Cabaran dalam Menggalakkan Pemikiran Kritikal

Pelajar China lebih cenderung menerima arahan tanpa banyak soal, yang berbeza dengan pendekatan akademik di Malaysia.

"Dia ada idea tapi kalau saya cakap apa dia terima." (Dr. Hanafi, L788)

Situasi ini menunjukkan bahawa budaya akademik yang menekankan penghormatan kepada penyelia boleh menghalang perkembangan pemikiran kritikal pelajar. Pensyarah perlu mendorong pelajar agar lebih yakin dalam menyuarakan pendapat mereka. Pensyarah juga menegaskan bahawa pelajar perlu menyesuaikan diri dengan sistem akademik di Malaysia yang mengutamakan perbincangan dan pemikiran analitikal.

"Tapi, saya memang strict. Kalau dia nak belajar sini dia kena ikut kita punya sistem lah." (Dr. Hanafi, L772)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa pelajar perlu membiasakan diri dengan sistem akademik yang lebih interaktif, di mana mereka tidak hanya menerima arahan tetapi turut terlibat dalam perbincangan dan analisis penyelidikan.

ii. Sokongan dalam Peranan Kaunselor

Pensyarah bukan sahaja berperanan sebagai penyelia, tetapi juga sebagai kaunselor bagi membantu pelajar menyesuaikan diri.

"Dari segi ni lah dari segi macam mana kita as a counselor lah bukan penyelia sahaja kita juga perlu act atau kita acts as a counselor aa yang boleh boleh empati." (Dr. Hafiz, L749-L750)

Situasi ini menekankan bahawa penyelia bukan sekadar memberikan bimbingan akademik, tetapi juga perlu memahami cabaran emosi dan sosial yang dihadapi pelajar, terutamanya dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik yang berbeza.

Tema 4: Tekanan Peraturan Penerbitan

Tema ini membincangkan cabaran yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa dalam memenuhi keperluan penerbitan jurnal berimpak tinggi seperti Scopus. Walaupun tujuan utama peraturan ini adalah untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan reputasi institusi, pelaksanaannya menimbulkan tekanan kepada pelajar dan penyelia. Cabaran utama termasuk kesukaran dalam penguasaan bahasa Inggeris, mendapatkan data yang sesuai, serta perubahan peraturan yang tidak menentu. Peserta kajian berkongsi pengalaman mereka dalam menangani cabaran ini dan langkah-langkah yang diambil bagi membantu pelajar.

i. Keperluan Penerbitan yang Semakin Ketat

Keperluan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi seperti Scopus telah menjadi syarat wajib untuk graduasi di UTHM sejak tahun 2016.

"Semua sama. Start dari 2016 setiap pelajar perlu menerbitkan sekurang-kurangnya 1 Scopus atau 2 multiple Scopus." (Dr. Hasnah, L345-L346)

Situasi ini menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa, terutama yang kurang pengalaman dalam penulisan akademik, menghadapi kesukaran dalam memenuhi syarat ini. Dalam bidang sains sosial, cabaran ini lebih ketara kerana sifat penyelidikan yang lebih subjektif berbanding bidang teknikal seperti kejuruteraan.

"Susah sebab kita sains sosial. Kalau pelajar yang macam ahh by engineering tu semua tak ada isu." (Dr. Hasnah, L354)

Perkara ini menunjukkan bahawa syarat penerbitan yang sama dikenakan ke atas semua bidang, tanpa mempertimbangkan perbezaan metodologi dan cabaran unik dalam setiap disiplin akademik. Selain itu, pensyarah mengakui bahawa penerbitan adalah antara cabaran terbesar dalam penyeliaan selain isu komunikasi dan budaya.

"Payah. Memang salah satu cabaran selain dari komunikasi, 2 budaya, 3 tu memang dari segi publication." (L375)

Keadaan ini menegaskan bahawa pensyarah bukan sahaja perlu membimbing penyelidikan pelajar tetapi juga memastikan mereka mampu menulis dan menerbitkan dalam jurnal berkualiti tinggi, yang memerlukan usaha tambahan dalam penyeliaan.

ii. Tekanan Emosi yang Dihadapi Pelajar

Proses penerbitan jurnal berimpak tinggi memberi tekanan emosi yang besar kepada pelajar kerana ia memerlukan masa dan usaha yang panjang.

"Aah lepas tu nak Scopus ni bukan senang makan tahun, frust dia. Tak boleh buat syarat macam tu kan." (Dr. Hanafi, L14-L15)

Situasi ini menggambarkan bagaimana keperluan penerbitan yang ketat boleh menyebabkan tekanan mental kepada pelajar, terutamanya bagi mereka yang hampir tamat pengajian tetapi masih belum memenuhi syarat ini. Lebih membebankan lagi, perubahan peraturan yang berlaku secara tiba-tiba boleh menjejaskan perancangan pelajar dan memberi kesan negatif terhadap motivasi mereka.

"Macam semalam tak sempat nak progress. Dia tengah sedih sebab dia nak MOCK dah, nak Viva lepastu tiba-tiba dapat arahan baru dan arahan itu tahun ni baru dikuatkuasakan, tapi kuat kuasa kepada semua kohort pelajar." (Dr. Hanafi, L482-L484)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa perubahan peraturan yang tidak dijangka boleh menyebabkan ketidakpastian dan memanjangkan tempoh pengajian pelajar. Hal ini turut memberi kesan kepada biasiswa dan peluang pekerjaan mereka.

iii. Implikasi Peraturan terhadap Tempoh Pengajian

Peraturan penerbitan yang ketat juga memberi kesan terhadap tempoh pengajian pelajar, terutamanya bagi mereka yang bergantung kepada biasiswa atau mempunyai had masa untuk menamatkan pengajian.

"Dia tahun ni je scholarship dia apa semua dia. Tapi dia kata Scopus tu makan tahun." (Dr. Hanafi, L783-L784)

Situasi ini menekankan bahawa keperluan penerbitan yang sukar dipenuhi boleh menyebabkan pelajar mengambil masa lebih lama untuk menamatkan pengajian, sekali gus memberi tekanan dari segi kewangan dan psikologi. Selain itu, perubahan peraturan yang dikenakan kepada pelajar sedia ada menimbulkan persoalan mengenai keadilan dalam pelaksanaan dasar ini.

"Sepatutnya bila kita nak buat pasal undang-undang kita kena ikut batch baru lah." (Dr. Hanafi, L744-L777)

Kenyataan ini mencerminkan ketidakpuasan hati pensyarah terhadap perubahan peraturan yang tidak mempertimbangkan pelajar yang sudah berada di fasa akhir pengajian. Keadaan ini menunjukkan perlunya dasar yang lebih stabil dan konsisten bagi mengelakkan ketidakpastian dalam penyelidikan dan perancangan akademik pelajar.

Strategi Menangani Cabaran Penerbitan

Pensyarah memainkan peranan penting dalam membantu pelajar menghadapi cabaran penerbitan jurnal berimpak tinggi. Proses ini memerlukan perancangan yang rapi, bimbingan akademik, serta sokongan moral agar pelajar dapat memenuhi syarat ini dengan lebih berkesan.

i. Perancangan Awal untuk Memenuhi Keperluan Penerbitan

Pensyarah menekankan pentingnya perancangan awal bagi memastikan pelajar dapat menyiapkan penerbitan mereka sebelum tamat pengajian.

"Jadi, kita jadi Sv kita dah tahu siapa students kita kan time-time macam ni, so by time tu during that time tu kita baru nak mock-mock dia kita dah settle dah akan construct dengan dia kalau macam tu kita akan plan supaya boleh terbitkan journal-journal faham tak?" (Dr. Hasnah, L348-L350)

Keadaan ini menunjukkan bahawa penyelia perlu merancang strategi yang sistematik untuk membimbing pelajar dalam menyiapkan penerbitan mereka, termasuk dalam pemilihan jurnal dan menetapkan garis masa yang sesuai. Pensyarah juga memahami bahawa keperluan penerbitan ini bertujuan memastikan kualiti penyelidikan.

"Bukan untuk menzalimi dan kita kena aware dengan keperluan-keperluan tu sebab supaya mungkin outstanding research tu dah tak boleh substandard kualiti." (Dr. Hafiz, L688-L690)

Walaupun cabaran ini sukar, pensyarah cuba mengubah perspektif pelajar agar melihat keperluan ini sebagai satu peluang untuk meningkatkan kualiti penyelidikan mereka.

ii. Konsistensi Sistem dan Prosedur Operasi Standard (SOP)

Pensyarah menekankan perlunya sistem yang stabil dan tidak berubah-ubah supaya pelajar dapat merancang pengajian mereka dengan lebih baik.

"Tak ada dia kena follow the rules lah. Follow the system, system kita tu kena mantaplah jangan berubah-ubah." (Dr. Hanafi, L1143-L1144)

Keadaan ini mencerminkan keperluan untuk institusi menyediakan dasar yang lebih konsisten agar pelajar dan penyelia tidak menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan perubahan peraturan yang kerap berlaku. Bagi memastikan pelajar memahami keperluan akademik dengan lebih baik, pensyarah mencadangkan agar kelas penyelidikan diadakan pada tahun pertama pengajian bagi memberi pendedahan awal mengenai SOP universiti.

"Jadi masa kita taklimat kita dah bagi tahu SOP dia betul tak? Lepastu satu lagi mungkin kita kena buat kelas juga lah. Tahun 1 mungkin sekali ke kelas-kelas penyelidikan. Contohnya semesta 1 buat ni, buat ni." (Dr. Hanafi, L1146-L1147)

Situasi ini menunjukkan bahawa pendedahan awal terhadap keperluan penerbitan dapat membantu pelajar lebih bersedia dalam memenuhi syarat akademik mereka.

iii. Kejelasan Peraturan Penerbitan

Pensyarah juga menekankan bahawa institusi perlu memastikan peraturan yang jelas dan tidak berubah-ubah bagi mengelakkan kekeliruan dalam proses penyeliaan.

"Promosi lah, lepastu peraturan. Balik kepada peraturan yang kena jelas." (Dr. Hanafi, L1387-L1388)

Selain itu, jika terdapat kesilapan dalam pelaksanaan peraturan, ia perlu diperbetulkan dengan segera untuk memastikan keberkesanan sistem akademik.

"Lepastu kalau ada salah tu cepat-cepat betulkan. Salah tetap salah. Kita dapat pengalaman." (Dr. Hanafi, L1392-L1393)

Keadaan ini menekankan keperluan untuk institusi pendidikan memastikan komunikasi yang jelas dan konsisten mengenai perubahan dasar akademik agar pelajar dan penyelia dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik. Secara keseluruhannya, keperluan penerbitan jurnal berimpak tinggi menimbulkan cabaran kepada pelajar antarabangsa, tetapi dengan strategi bimbingan yang sesuai, tekanan ini dapat dikurangkan.

3.1 Perbincangan

Kajian ini meneliti pengalaman pensyarah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam menyelia pelajar pascasiswazah antarabangsa dari China dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Empat tema utama yang dikenal pasti ialah halangan bahasa dan komunikasi, keterbatasan masa, perbezaan budaya, dan keperluan penerbitan. Tema-tema ini mencerminkan cabaran yang dihadapi serta strategi yang digunakan untuk meningkatkan keberkesanan penyeliaan.

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian dengan mengaitkannya dengan teori akademik, kajian literatur terdahulu, dan strategi penyeliaan yang berkesan. Pendekatan ini bertujuan untuk memahami isu penyeliaan secara lebih mendalam serta mengenal pasti kaedah terbaik dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar pascasiswazah antarabangsa.

3.1.1 Cabaran dalam Penyeliaan Pelajar Pascasiswazah TVET

Halangan Bahasa dan Komunikasi

Kemahiran bahasa yang terhad telah dikenal pasti sebagai halangan utama dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah dari China. Tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang rendah menyukarkan pelajar untuk memahami arahan penyelidikan, berkomunikasi dengan penyelia, serta menulis artikel akademik dengan baik. Kajian terdahulu (Aizawa et al., 2020) menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa sering menghadapi kesukaran dalam memahami konsep akademik akibat kekurangan kemahiran bahasa, yang seterusnya melambatkan perkembangan penyelidikan mereka.

Selain itu, perbezaan loghat dan gaya komunikasi turut menambah cabaran dalam interaksi akademik. Bahasa Inggeris yang digunakan oleh pensyarah Malaysia mempunyai intonasi dan struktur tersendiri yang mungkin sukar difahami oleh pelajar China, begitu juga sebaliknya. Kajian Zhai dan Razali (2022) mendapati bahawa perbezaan fonetik dan struktur komunikasi sering menyebabkan salah faham dalam penyeliaan, sekali gus mengganggu kelancaran hubungan akademik.

Selain daripada aspek akademik, halangan komunikasi juga memberi kesan kepada kesejahteraan emosi pelajar. Kajian oleh Mncina et al. (2024b) menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai kesukaran berkomunikasi cenderung berasa terasing dan kurang yakin dalam penyelidikan mereka. Oleh itu, strategi seperti menyederhanakan bahasa, menggunakan aplikasi terjemahan, serta memperkukuhkan komunikasi bertulis amat penting untuk menangani cabaran ini.

Keterbatasan Masa dalam Penyeliaan

Masa yang terhad merupakan cabaran utama dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah TVET, terutama bagi pelajar yang juga bekerja sebagai pendidik sepenuh masa di kolej vokasional di China. Kesukaran untuk mengimbangi tanggungjawab kerja dan akademik menyebabkan kehadiran mereka dalam sesi penyeliaan menjadi tidak konsisten, seterusnya mengganggu kesinambungan penyelidikan. Kajian Rockman et al. (2022) menunjukkan bahawa pelajar yang bekerja sepenuh masa mengalami kesukaran mengekalkan momentum penyelidikan, yang akhirnya melambatkan proses penyelesaian tesis mereka.

Selain itu, pensyarah di UTHM juga menghadapi beban kerja akademik dan pentadbiran yang tinggi, mengurangkan masa yang boleh diperuntukkan kepada sesi penyeliaan. Kajian oleh Winarno et al. (2021) menekankan bahawa masa yang mencukupi dalam penyeliaan sangat penting untuk memastikan pelajar mendapat bimbingan yang berkualiti.

Kekangan masa ini turut menyumbang kepada ketidaksinambungan dalam penyeliaan, di mana pelajar yang hadir secara tidak konsisten sukar untuk mengekalkan fokus terhadap penyelidikan mereka. Kajian oleh Rijswijk dan Maria (2020) mendapati bahawa hubungan penyeliaan yang berterusan diperlukan bagi memastikan pelajar dapat mengekalkan progres penyelidikan mereka, dan sebarang gangguan boleh menyebabkan kelewatan dalam penyelesaian kajian mereka.

Perbezaan Budaya dan Penyesuaian kepada Norma Akademik Baharu

Perbezaan budaya antara pelajar China dan pensyarah Malaysia telah dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan penyeliaan. Pelajar dari China cenderung untuk menghormati autoriti secara mutlak, menyebabkan mereka mengambil pendekatan pasif dalam pembelajaran dan kurang bertanya atau mencabar idea yang dikemukakan oleh pensyarah.

Tingkah laku ini sejajar dengan Teori Dimensi Budaya Rojo et al. (1984), yang menerangkan bahawa budaya hierarki menghalang interaksi kritikal antara pelajar dan pensyarah. Kajian oleh Xu dan Hu (2019) menunjukkan bahawa pelajar dari sistem pendidikan yang menekankan kepatuhan kepada autoriti memerlukan lebih banyak masa untuk menyesuaikan diri dengan pendekatan akademik yang lebih interaktif dan dialogis.

Cabaran ini menuntut penyesuaian dalam kaedah penyeliaan, di mana pensyarah perlu menggalakkan pelajar untuk lebih proaktif dalam menyuarakan pendapat dan terlibat secara aktif dalam perbincangan akademik. Kajian oleh Showunmi et al. (2024) mendapati bahawa strategi komunikasi yang sensitif kepada budaya dapat membantu meningkatkan keberkesanan penyeliaan pelajar antarabangsa.

Tekanan Keperluan Penerbitan

Keperluan untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks Scopus telah menjadi cabaran utama bagi pelajar pascasiswazah di UTHM. Perubahan dasar penerbitan yang kerap tanpa pemberitahuan awal menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan penyelidikan mereka dengan keperluan baharu. Kajian

Morse (2021) menunjukkan bahawa tekanan penerbitan boleh menjejaskan motivasi pelajar dan menyumbang kepada kelewatan dalam penyelesaian tesis.

Cabaran ini lebih ketara bagi pelajar dalam bidang sains sosial, di mana penyelidikan kualitatif sering menghadapi kesukaran untuk diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi yang lebih cenderung kepada metodologi kuantitatif. Fernandes dan Ribeiro (2024) menyatakan bahawa kajian kualitatif memerlukan pendekatan yang lebih teliti bagi memenuhi standard penerbitan antarabangsa, yang sering menjadi halangan bagi pelajar antarabangsa.

Pensyarah juga terpaksa menanggung beban tambahan dalam membantu pelajar menerbitkan kajian mereka, termasuk menyemak draf artikel, memberi maklum balas, serta membantu memilih jurnal yang sesuai. Kajian Shamsi dan Osam (2022) mendapati bahawa syarat penerbitan sering menyebabkan beban kerja tambahan bagi pensyarah, memerlukan institusi untuk menyediakan garis panduan yang lebih jelas dan konsisten dalam keperluan penerbitan akademik.

3.1.2 Strategi Meningkatkan Penyeliaan Pelajar Antarabangsa

Strategi penyeliaan memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan proses penyelidikan pelajar pascasiswazah antarabangsa. Pelaksanaan strategi yang sistematik membolehkan cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar diatasi dengan lebih efektif. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa pendekatan telah dikenal pasti bagi mengatasi isu utama dalam penyeliaan, termasuk halangan bahasa dan komunikasi, perbezaan budaya, keterbatasan masa, dan tekanan penerbitan. Pendekatan ini bertujuan meningkatkan hubungan akademik, menyokong kemajuan pelajar, serta memastikan kejayaan penyelidikan mereka.

Strategi Mengatasi Halangan Bahasa dan Komunikasi

Halangan bahasa merupakan salah satu cabaran utama dalam penyeliaan pelajar antarabangsa. Kekurangan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris sering menyebabkan salah faham dalam penyampaian arahan penyelidikan, sekali gus menjejaskan kecekapan pelajar dalam melaksanakan tugas akademik mereka. Oleh itu, beberapa strategi telah diterapkan untuk mengatasi cabaran ini.

Salah satu pendekatan yang digunakan ialah penyederhanaan bahasa dan penggunaan komunikasi yang lebih jelas dalam sesi penyeliaan. Pensyarah menyesuaikan penggunaan bahasa dengan tahap kefahaman pelajar, menggunakan istilah yang lebih mudah difahami serta memberikan contoh yang lebih konkrit bagi menjelaskan konsep penyelidikan. Kajian oleh Ma (2020) menunjukkan bahawa strategi ini membantu meningkatkan pemahaman pelajar antarabangsa terhadap bahan penyelidikan, sekaligus mengurangkan risiko salah tafsir arahan.

Selain itu, penggunaan teknologi sebagai alat sokongan komunikasi turut dimanfaatkan bagi membantu pelajar memahami kandungan akademik dengan lebih baik. Aplikasi terjemahan dan perisian interaktif seperti Google Translate dan Grammarly digunakan untuk menyokong pemahaman pelajar terhadap teks akademik dan komunikasi dengan penyelia. Kajian oleh Zhu et al. (2022) menyatakan bahawa penggunaan teknologi dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi antara pelajar dan penyelia, terutama bagi pelajar yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris yang rendah.

Di samping itu, pensyarah turut menetapkan syarat penguasaan Bahasa Inggeris, seperti keperluan mengambil ujian IELTS sebelum memulakan penyelidikan. Langkah ini memastikan pelajar mempunyai tahap kefahaman bahasa yang mencukupi untuk memahami arahan akademik dan berinteraksi dengan penyelia secara efektif. Kajian oleh Dang dan Dang (2021) mendapati bahawa pelajar yang memperoleh skor tinggi dalam IELTS lebih bersedia untuk berkomunikasi dengan baik dalam persekitaran akademik, sekaligus meningkatkan keberkesanan penyeliaan.

Strategi Pengurusan Masa dalam Penyeliaan

Keterbatasan masa dalam penyeliaan merupakan cabaran yang signifikan bagi pensyarah dan pelajar, terutamanya bagi pelajar yang bekerja sepenuh masa sebagai tenaga pengajar di kolej vokasional di China. Kekangan ini memberi impak terhadap kesinambungan proses penyelidikan serta keberkesanan hubungan akademik antara pelajar dan pensyarah.

Bagi mengatasi cabaran ini, jadual penyeliaan yang lebih fleksibel diperkenalkan bagi menyesuaikan sesi bimbingan dengan komitmen pelajar dan penyelia. Pensyarah mengatur sesi perjumpaan yang lebih anjal, sama ada secara bersemuka atau dalam talian, mengikut kesesuaian masa pelajar. Kajian oleh Bahtilla (2022) menunjukkan bahawa fleksibiliti dalam penyeliaan dapat mengurangkan tekanan dalam kalangan pelajar dan pensyarah, sekaligus meningkatkan produktiviti akademik.

Selain itu, penggunaan platform penyeliaan dalam talian seperti Zoom, Microsoft Teams, dan Google Meet membolehkan sesi penyeliaan dilakukan secara jarak jauh tanpa mengganggu kesinambungan penyelidikan

pelajar. Kajian oleh Yang et al. (2021) mendapati bahawa sesi dalam talian membolehkan komunikasi yang lebih cekap antara pensyarah dan pelajar, selain memastikan pemantauan berkala terhadap perkembangan penyelidikan mereka.

Pensyarah juga menetapkan garis masa penyelidikan yang jelas, termasuk perancangan fasa penting seperti pengumpulan data, analisis, dan penulisan tesis. Kajian oleh Japheth et al. (2023) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai perancangan penyelidikan yang terstruktur lebih cenderung untuk menyelesaikan penyelidikan mereka dalam tempoh yang ditetapkan.

Strategi Menyesuaikan Penyeliaan dengan Perbezaan Budaya

Perbezaan budaya antara pelajar dan pensyarah mempengaruhi keberkesanan interaksi akademik dalam penyeliaan. Pelajar dari China cenderung untuk bersikap lebih pasif dalam sesi perbincangan dan kurang bertanya soalan kerana budaya mereka yang menghormati autoriti secara mutlak.

Untuk mengatasi cabaran ini, sesi pembentangan terbuka telah diperkenalkan bagi menggalakkan pelajar lebih aktif dalam menyuarakan pendapat dan meningkatkan pemikiran kritikal mereka. Kajian oleh Liyanage et al. (2020) mendapati bahawa pembentangan akademik dapat membantu pelajar antarabangsa menyesuaikan diri dengan pendekatan akademik yang lebih terbuka dan interaktif.

Selain itu, pensyarah juga menekankan disiplin akademik dan etika kerja bagi membantu pelajar menyesuaikan diri dengan sistem penyeliaan di Malaysia. Nilai seperti pengurusan masa, pematuhan tarikh akhir, serta komitmen terhadap kualiti penyelidikan diberi penekanan dalam sesi bimbingan. Kajian oleh Tuli dan Negi (2021) mendapati bahawa pemahaman terhadap disiplin akademik membantu pelajar menyesuaikan diri dengan norma akademik di negara asing.

Sokongan kaunseling juga diberikan oleh pensyarah bagi membantu pelajar mengatasi tekanan emosi akibat kejutan budaya. Kajian oleh Han dan Xu. (2022) menunjukkan bahawa sokongan emosi daripada penyelia dapat membantu pelajar mengadaptasi diri dengan lebih baik, meningkatkan keyakinan diri, serta memperkukuhkan hubungan akademik antara penyelia dan pelajar.

Strategi Menyokong Keperluan Penerbitan Pelajar

Keperluan penerbitan jurnal berindeks sering menjadi tekanan utama bagi pelajar pascasiswazah, terutama apabila syarat penerbitan sering berubah secara mendadak. Untuk membantu pelajar memenuhi keperluan ini, pensyarah menerapkan beberapa strategi sokongan.

Salah satu strategi utama ialah bimbingan awal mengenai strategi penerbitan, termasuk pemilihan jurnal yang sesuai serta teknik penulisan akademik yang memenuhi piawaian antarabangsa. Kajian oleh Prestridge et al. (2023) menunjukkan bahawa strategi ini meningkatkan peluang pelajar untuk berjaya dalam penerbitan jurnal berindeks.

Pensyarah juga mencadangkan supaya institusi mewujudkan garis panduan penerbitan yang lebih konsisten bagi memastikan pelajar tidak terkesan dengan perubahan dasar penerbitan yang kerap. Kajian oleh Shamsi dan Osam (2022) menyatakan bahawa konsistensi dalam dasar penerbitan dapat mengurangkan kekeliruan serta membantu pelajar merancang penyelidikan mereka dengan lebih baik.

Selain itu, sesi latihan penulisan akademik turut disediakan bagi membantu pelajar memahami format dan struktur penulisan jurnal berindeks. Kajian oleh Youssef dan Webster (2022) mendapati bahawa latihan penulisan akademik secara berkala dapat mempercepatkan proses penerbitan pelajar dalam jurnal berimpak tinggi.

Secara keseluruhan, perbincangan dalam kajian ini telah mengenal pasti pelbagai cabaran utama yang dihadapi dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah antarabangsa dari China. Antara isu yang paling menonjol termasuklah halangan bahasa dan komunikasi, perbezaan budaya, kekangan masa, serta tekanan untuk memenuhi keperluan penerbitan. Cabaran-cabaran ini turut sejajar dengan dapatan kajian antarabangsa terdahulu. Sebagai contoh, pelajar dari China sering mengalami kesukaran dalam memahami bahasa dan kandungan akademik ketika mengikuti pengajian di luar negara, yang akhirnya memberi kesan negatif terhadap prestasi dan kemajuan penyelidikan mereka (Ma, 2020).

Dalam kajian lain, pelajar pascasiswazah yang bekerja sepenuh masa juga dilaporkan bergelut untuk mengekalkan komitmen terhadap penyelidikan disebabkan tekanan masa dan beban kerja yang tinggi (Rockman et al., 2022). Di samping itu, tuntutan untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks tinggi seperti Scopus menjadi satu lagi cabaran besar, terutamanya bagi pelajar antarabangsa yang bukan penutur jati bahasa Inggeris. Ramai dalam kalangan mereka menghadapi kesukaran menyesuaikan gaya penulisan akademik mereka dengan kehendak penerbitan, yang boleh menyebabkan kelewatan atau penolakan artikel (Shamsi & Osam, 2022).

Bagi menangani cabaran ini serta meningkatkan keberkesanan penyeliaan, terdapat beberapa langkah praktikal yang boleh dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi. Antaranya ialah penubuhan unit sokongan

bahasa dan budaya yang menawarkan kelas pengukuhan bahasa akademik dan latihan adaptasi silang budaya, khususnya bagi membantu pelajar antarabangsa yang baharu menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik tempatan (Zhai & Razali, 2022).

Di samping itu, penyediaan latihan profesional secara berkala untuk pensyarah juga boleh meningkatkan pemahaman mereka terhadap aspek penyeliaan dalam konteks antarabangsa, termasuk komunikasi berkesan dan kepekaan terhadap kepelbagaian budaya (Showunmi et al., 2024).

Pendekatan penyeliaan secara hibrid yang menggabungkan sesi dalam talian dan bersemuka dengan bantuan teknologi seperti Zoom atau Google Meet turut dapat membantu mengatasi kekangan masa dan lokasi (Yang & Lin, 2023). Selain itu, program mentor rakan sebaya juga boleh mempercepatkan proses penyesuaian sosial dan akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa yang baru memulakan pengajian (Han & Xu, 2021).

Akhir sekali, maklumat berkaitan keperluan penerbitan perlu disampaikan lebih awal dan dengan jelas. Sokongan tambahan seperti bengkel penulisan dan sesi klinik artikel juga penting bagi membantu pelajar lebih bersedia dan yakin dalam memenuhi tuntutan akademik tersebut (Prestridge et al., 2023).

Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, institusi pengajian tinggi berpotensi mewujudkan persekitaran penyeliaan yang lebih inklusif, mampan, dan responsif terhadap keperluan sebenar pelajar antarabangsa khususnya dalam konteks pendidikan teknikal dan vokasional (TVET).

4.0 Kesimpulan

Kajian ini mengenal pasti empat cabaran utama dalam penyeliaan pelajar pascasiswazah antarabangsa di UTHM, iaitu halangan bahasa dan komunikasi, perbezaan budaya, keterbatasan masa, dan tekanan keperluan penerbitan. Untuk mengatasi cabaran ini, pensyarah menggunakan strategi seperti penyederhanaan bahasa, penggunaan teknologi, penyeliaan fleksibel, serta bimbingan penerbitan yang lebih sistematik. Selain peranan pensyarah, sokongan institusi juga diperlukan bagi meningkatkan keberkesanan penyeliaan. UTHM disarankan untuk menyediakan garis panduan yang lebih jelas, latihan profesional untuk pensyarah, serta platform pembelajaran digital yang lebih interaktif.

Sebagai cadangan jangka panjang, universiti perlu merangka dasar yang lebih komprehensif bagi menyokong pensyarah dalam penyeliaan pelajar antarabangsa. Ini termasuk penyediaan modul latihan kecekapan budaya secara berkala, pengiktirafan beban kerja penyeliaan dalam penilaian prestasi akademik, serta pembentukan pusat sokongan akademik khusus bagi pelajar antarabangsa yang melibatkan kerjasama antara fakulti, unit bahasa, dan pejabat antarabangsa. Langkah-langkah ini akan membantu mewujudkan persekitaran penyeliaan yang lebih inklusif, mampan, dan responsif terhadap keperluan populasi pelajar yang semakin global.

Untuk kajian masa hadapan, disarankan agar penyelidikan diperluas melibatkan perbandingan antara pensyarah dari institusi pengajian tinggi lain di dalam dan luar negara. Kajian perbandingan ini dapat mengenal pasti variasi pendekatan penyeliaan dan amalan terbaik "*best practices*" dalam menangani cabaran pelajar antarabangsa, terutamanya dalam bidang TVET. Di samping itu pendekatan campuran "*mixed methods*" boleh digunakan untuk menilai impak jangka panjang strategi penyeliaan terhadap pencapaian akademik, kesejahteraan emosi, dan kadar tamat pengajian pelajar antarabangsa.

Secara keseluruhannya, pendekatan penyeliaan yang fleksibel, sistematik, dan berorientasikan pelajar mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti penyelidikan pascasiswazah serta memperkukuh kedudukan institusi dalam arena pendidikan tinggi antarabangsa..

Penghargaan

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan.

Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud dalam penghasilan kajian ini. Kajian ini dijalankan secara objektif dan tidak mengandungi sebarang kepentingan peribadi.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan bahawa bertanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut: konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis dan tafsiran keputusan, dan penyediaan manuskrip.

Rujukan

- Adedokun, T., & Oyetunde-Joshua, F. (2024b). Navigating the Academic Odyssey: Exploring The Role Of Supervisors In Supporting Postgraduate Students. *Journal Of Culture And Values In Education*, 7(1), 1–18. <https://doi.org/10.46303/jcve.2024.1>
- Amzat, I. H., Ali, H. M., Ibrahim, M. B., Othman, A., Salleh, M. J. B., & Najimdeen, A. H. A. (2023). Internationalization Of Higher Education, University Quality Service, And International Students' Loyalty In Malaysia. *SAGE Open*, 13(4). <https://doi.org/10.1177/21582440231210498>
- Bahtilla, M. (2022). Research Supervision Of International Doctoral Students: Perspectives Of International Students In Two Comprehensive Universities In China. *International Journal of Doctoral Studies*, 17, 181–199. <https://doi.org/10.28945/4970>
- Dang, C. N., & Dang, T. N. Y. (2021). The Predictive Validity of the IELTS Test and Contribution of IELTS Preparation Courses to International Students' Subsequent Academic Study: Insights from Vietnamese International Students in the UK. *RELC Journal*, 54(1), 84–98. <https://doi.org/10.1177/0033688220985533>
- Fernandes, M., & De Alencar Ribeiro, A. (2024). Mental Health In Postgraduate Programs: Thoughts And Perspectives On Mental Illness Among The Students. *Rev Enferm UFPI*. <https://doi.org/10.26694/reufpi.v13i1.5307>.
- Han, Y., & Xu, Y. (2021). Emotional Support From The Perspective Of Extrinsic Emotion Regulation: Insights Of Computer Science Doctoral Supervisors. *Teaching in Higher Education*, 28(7), 1725–1743. <https://doi.org/10.1080/13562517.2021.1928059>
- Horta, H., & Li, H. (2022). Nothing But Publishing: The Overriding Goal Of Phd Students In Mainland China, Hong Kong, And Macau. *Studies In Higher Education*, 48(2), 263–282. <https://doi.org/10.1080/03075079.2022.2131764>
- Japheth, N., Ssentamu, P. N., Wambua, B. K., & Kurgat, S. J. (2023). Strategies Used for Effective Research Supervision in the Completion of Postgraduate Studies in Selected Universities of Uganda. *THE UGANDA HIGHER EDUCATION REVIEW*, 10(2), 1–26. <https://doi.org/10.58653/nche.v10i2.01>
- Liyanage, I., Walker, T., & Shokouhi, H. (2020). Are We Thinking Critically About Critical Thinking? Uncovering Uncertainties In Internationalised Higher Education. *Thinking Skills and Creativity*, 39, 100762. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2020.100762>
- Ma, J. (2020). Supporting Practices To Break Chinese International Students' Language Barriers. *Journal Of International Students*, 10(1), 84–105. <https://doi.org/10.32674/jis.v10i1.773>
- Mncina, T. C., Letsie, H., Nkhi, S. E., & Mofana, M. (2024b). Effective Communication In Postgraduate Supervision: Shaping Experiences And Overcoming Challenges. *Interdisciplinary Journal of Education Research*, 6, 1–21. <https://doi.org/10.38140/ijer-2024.vol6.13>
- Morse, J. M. (2021). The Misfit Between Qualitative Research And Journal Requirements. *Qualitative Health Research*, 31(7), 1371–1373. <https://doi.org/10.1177/10497323211010725>
- Prestridge, S., Guckin, C. M., Hunter, A., & Hall, T. (2023). Mastering The Writing Game: Practical Insights For Early Career Researchers And Supervisors. *Irish Educational Studies*, 42(4), 475–486. <https://doi.org/10.1080/03323315.2023.2265342>
- Rijswijk, V., & Maria, M. (2020). Experiences Of Continuity And Discontinuity In Student Teachers' Development., 1-132. <https://doi.org/10.33540/366>.
- Rockman, D. A., Aderibigbe, J. K., Allen-Ile, C. O., Mahembe, B., & Hamman-Fisher, D. A. (2022). Working-Class Postgraduates' Perceptions Of Studying While Working At A Selected University. *SA Journal of Human Resource Management*, 20. <https://doi.org/10.4102/sajhrm.v20i0.1962>
- Rojos, J., Everett, B., Ramjan, L. M., Hunt, L., & Salamonson, Y. (2020). Hofstede's Cultural Dimensions As The Explanatory Framework For Performance Issues During Clinical Placement: A Mixed Methods Study. *Nurse Education Today*, 94, 104581. <https://doi.org/10.1016/j.nedt.2020.104581>

- Shamsi, A. F., & Osam, U. V. (2022b). Challenges And Support In Article Publication: Perspectives Of Non-Native English Speaking Doctoral Students In A "Publish Or No Degree" Context. *SAGE Open*, 12(2). <https://doi.org/10.1177/21582440221095021>
- Showunmi, V., Younas, F., & Gutman, L. M. (2024). Inclusive Supervision: Bridging The Cultural Divide. *Encyclopedia*, 4(1), 186–200. <https://doi.org/10.3390/encyclopedia4010016>
- Tuli, M., & Negi, B. (2021). Ethics In Social Science Research: Developing Discipline Specific and Culturally Sensitive Practices. *Towards Excellence*. <https://doi.org/10.37867/te130447>.
- Wald, N., Kumar, V., & Sanderson, L. J. (2022). Enhancing Co-Supervision Practice By Setting Expectations In A Structured Discussion Using A Research-Informed Tool. *Higher Education Research & Development/Higher Education Research and Development*, 42(3), 757–769. <https://doi.org/10.1080/07294360.2022.2082390>
- Wang, D. (2022). The Cross-Cultural Academic Adaptation Of Chinese Students In An American University: Academic Challenges, Influential Factors And Coping strategies. <https://doi.org/10.53935/26415305.v5i1.231>
- Winarno, J., Fitria, H., & Fitriani, Y. (2021). The Role Of Principal Academic Supervision In Improving The Professionalism Of Teachers Of State Junior High Schools. *JPGI (Jurnal Penelitian Guru Indonesia)*, 6(2), 478. <https://doi.org/10.29210/021074jpgi0005>.
- Xu, L., & Hu, J. (2019). Language Feedback Responses, Voices And Identity (Re)Construction: Experiences of Chinese international doctoral students. *Innovations in Education and Teaching International*, 57(6), 724–735. <https://doi.org/10.1080/14703297.2019.1593214>
- Yang, H., & Lin, J. (2023). Students' Persistence Intention In Moocs In The Psychomotor Domain: An Extended 3P Model Of The Teaching And Learning Perspective. *Frontiers in Psychology*, 14. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1094138>
- Youssef, M. I., & Webster, B. (2022). A Multi-Criteria Decision Making Approach To The New Product Development Process In Industry. *Reports in Mechanical Engineering*, 3(1), 83–93. <https://doi.org/10.31181/rme2001260122y>
- Zhai, X., & Razali, A. B. (2022). Uncovering Challenges Mainland Chinese International Students Face In English Language Communication In Malaysian Higher Education Institutions. *Asian Journal of University Education*, 18(4), 1130–1141. <https://doi.org/10.24191/ajue.v18i4.20042>
- Zhu, J., Gu, M., Yang, L., Xun, S., Wan, M., & Li, J. (2022). Academic Adaptation of International Students in China: Evidence from the Grounded Theory and Structure Equation Model. *Sustainability*, 15(1), 692. <https://doi.org/10.3390/su15010692>